

## Sempena genap setahun Kerajaan Perpaduan



Anwar sambil diperhatikan Sivakumar, Abdul Rahman dan Mohd Zuki melancarkan Majlis Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri dan Anugerah Tokoh Mahir 2023 di Shah Alam, semalam. (Foto Genes Gulitah/BH)

# Kestabilan politik selamatkan ekonomi Malaysia

**Kerajaan lebih agresif, tegas tahun depan untuk bawa perubahan**

Oleh **Mahd Iskandar Ibrahim**  
mohd\_iskandar@bh.com.my

**Shah Alam:** Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi jaminan kerajaan akan lebih agresif dan tegas pada tahun depan untuk membawa perubahan dan anjakan yang diperlukan berdasarkan kestabilan politik dimiliki negara ketika ini.

Perdana Menteri berkata, perubahan itu bukan hanya untuk menyelamatkan Malaysia, malah mengangkat kembali martabat sebagai negara hebat di rantau ini dengan membawa lebih ramai pelabur, mengurus ekonomi dengan baik, melatih anak tempatan dan mempunyai tata kelola baik.

"Kita bersyukur kerana kestabilan politik setahun di bawah Kerajaan Perpaduan mengundang banyak industri besar (ke Malaysia) dan saya pernah bertanya pandangan mereka (syarikat gergasi), saya tanya juga Geely-Proton, saya tanya Elon Musk (Tesla), Google, Tiktok dan lain-lain.

"Saya tanya mereka apa keistimewaan Malaysia, mereka kata sekarang ini politik stabil. Walaupun ada orang politik bising di Parlimen itu biasalah, tetapi

politik stabil.

"Jadi, orang yang mengidam nak ambil alih kerajaan (ketika ini), susah sikit sekarang ini," katanya ketika menyampaikan ucapan pada Majlis Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri dan Anugerah Tokoh Mahir 2023 di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar; Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali.

### **Pelabur yakin ke Malaysia**

Anwar berkata, selain kestabilan politik, dasar negara lebih jelas sejak setahun lalu turut memberi keyakinan kepada pelabur untuk datang ke Malaysia.

"Mereka lihat (Malaysia) ada dasar jelas, maknanya mereka tahu apabila datang ke sini, mereka tahu ini dasar ekonomi, ini dasar perindustrian, ini ekonomi MADANI, ini transisi tenaga, ini transformasi digital, jadi mereka tahu dan ini membantu mereka datang ke mari.

"Saya syukur Malaysia menjadi perhatian semula selepas ketinggalan beberapa lama dan ini bukan sahaja kerana pimpinan politik, ini juga tanpa kecuali, ...baik Geely, Google, Elon Musk, mereka menyatakan kepada saya, mereka kata mereka gembira dan berpuas hati dengan kualiti tenaga kerja serta profesional (di negara ini)," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan ketika ini giat berusaha

membawa masuk lebih banyak pelaburan baharu untuk memberi ruang kepada rakyat khususnya golongan muda mendapat pekerjaan yang lebih baik.

Ketika menghadiri Mesyuarat Pemimpin Ekonomi, Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Amerika Syarikat (AS), baru-baru ini, beliau menggunakan ruang itu untuk bertemu pemimpin syarikat gergasi seperti Facebook, Google dan Tiktok.

"(Saya gunakan peluang) mengajak mereka dan memberi ruang supaya mereka datang ke sini untuk memenuhi keperluan anak-anak.

"Mengapa kita berusaha ber-sungguh-sungguh? Untuk memastikan ada sambutan dan pelaburan baharu, kerana ia memberi ruang kepada anak terutama latihan, perindustrian, Giat MARA, TVET (Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional), untuk mendapat peluang pekerjaan yang lebih baik," katanya.

Anwar juga menegur pihak yang bergaduh mengenai perbezaan agama dan kaum, tetapi tidak menghiraukan masa depan anak muda, termasuk graduan TVET.

Sehubungan itu, beliau meminta Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan agensi berkaitan agar menyediakan latihan kemahiran secukupnya khususnya pada peringkat kemahiran tertinggi disebabkan ada teguran daripada pelabur memaklumkan kemahiran tertinggi pekerja di negara ini perlu dipertingkatkan.